



Menantu Pilihan

(Family)

DRAMA 45min x 2 episod

Mei Li adalah seorang gadis berketurunan Baba yang baru sahaja memulakan kerjaya di Kuala Lumpur. Keunikan dan keistimewaan Mei Li menarik minat boss syarikatnya, Chow untuk mengenalinya lebih rapat. Namun, Mei Li serba salah untuk menerima cinta Chow kerana perbezaan cara hidup dan kedudukan selain kerana menyedari Chow sudah mempunyai tunang, seorang gadis kota bernama Feyfey.

Chow tidak menyenangi Feyfey yang hidup sosial dan bebas dan berhasrat memutuskan pertunangan mereka. Ibu Chow menentang hasrat Chow namun akhirnya mempercayai kata-kata Chow apabila melihat Feyfey bersama seorang lelaki lain.

Namun kini Chow harus memikat hati Mei untuk mempercayai keikhlasannya. Dengan bantuan Ganesh, Chow telah membantu bapa Mei Li yang memerlukan pembedahan. Kebaikkan Chow memikat hati Mei.

Tanpa disangka saudara Mei daripada Pulau Pinang berhasrat meminang Mei dan dipersetujui oleh ibu bapa Mei yang memang mahukan Mei berkahwin dengan lelaki berketurunan Baba.

Mei dengan sedih meletakkan jawatan dan pulang. Chow yang mengetahui perkara itu lantas ke Melaka merancang strategi memikat keluarga Mei pula. Rancangan Chow berjaya apabila ayah Mei sukakan Chow yang mengaku sebagai peminat budaya Baba. Chow dan Mei Li akhirnya berjaya disatukan.